

**TPM, Isteri Bersarapan Bersama Pengundi Bukit Treh
Bernama
25 April, 2013**

MUAR, 25 April (Bernama) -- Pagi yang cerah hari ini dimanfaatkan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman untuk bersarapan bersama penduduk Kampung Bukit Treh di sini.

Ketibaan beliau pada kira-kira pukul 9 pagi disambut gembira oleh para penduduk bersama calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jorak Datuk Dr Sharuddin Md Salleh dan calon DUN Bukit Serampang Ismail Mohamed.

Sambil itu Muhyiddin dalam ucapannya kepada hadirin mengajak rakyat keluar mengundi pada pilihan raya umum 5 Mei ini dan memberi sokongan 100 peratus kepada BN demi memastikan kelangsungan pentadbiran kerajaan sedia ada.

"Tiada pilihan terbaik untuk tentukan masa depan negara kecuali BN. Boleh lihat daripada manifesto kita dan usaha-usaha selama ini yang cukup baik dan melibatkan semua pihak," kata timbalan perdana menteri yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh.

Muhyiddin berkata beliau yakin ramai rakyat akan keluar mengundi pada PRU13 ini berikutan banyak pesanan yang dihebahkan di media massa.

"Ini kerana ada lagu mengajak rakyat mengundi di televisyen dan pesanan di akhbar. Harapan saya keluarlah mengundi di awal pagi...kalau boleh lepas sarapan terus ke pusat pengundian," katanya.

Muhyiddin berkata pilihan raya kali ini begitu mencabar termasuk kawasan beliau sendiri yang pertama kali menghadapi tentangan daripada calon PKR.

Beliau berkata pengundi Pagoh harus menolak cubaan pembangkang untuk meresap masuk ke kawasan itu kerana "di sebalik parti itu ada ajaran songsang dan tidak sesuai serta cerita yang tidak baik berkaitan moral dan sebagainya".

Timbalan perdana menteri kemudian turut beramah mesra dengan penduduk setempat yang hadir.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944962>